

JAWATANKUASA PENYIASATAN (AP59)

- Punca Kuasa** 1. Arahan Perbendaharaan 59
- Keanggotaan** 2. **Pengerusi :** Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan Dan Inovasi)
- Ahli – Ahli :** i) Penasihat Undang-Undang
ii) Ketua Audit Dalam
iii) Sekurang-kurangnya seorang Pegawai
Universiti Yang Dilantik Oleh Naib Canselor
- Setiausaha:** Bendahari
- Kuasa - Kuasa** 3. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Naib Canselor dan tugasnya adalah seperti berikut:
- i) Untuk menyiasat kewujudan dan mengenalpasti punca dan sebab yang memungkinkan terjadinya ketidakpatuhan tatacara perolehan Universiti.
 - ii) Untuk menyiasat sama ada terdapat sebarang pelanggaran atau ketidak-akuran kepada apa-apa prosedur atau peraturan yang berkaitan dengan tatacara perolehan Universiti.
 - iii) Menyiasat sebarang elemen dan perkara yang tidak betul, tidak berintegriti atau salah laku, sekiranya ada.
 - iv) Memanggil saksi-saksi yang boleh membantu siasatan Jawatankuasa.
 - v) Mengkaji semula keberkesanan apa jua prosedur atau peraturan yang berkaitan serta menilai keberkesanan SOP dan langkah-langkah kawatan yang sedia ada.
 - vi) Mencadangkan sebarang langkah penambahbaikan, sekiranya perlu.
 - vii) Menyediakan dan merumuskan laporan siasatan secara bertulis termasuklah tindakan yang wajar diambil di bawah AP59 serta sebarang cadangan penambahbaikan, dan laporan ini hendaklah dibentangkan dan diserahkan kepada Naib Canselor.
 - viii) Apa jua terma-terma rujukan tambahan lain, sekiranya berkaitan, yang akan diputuskan oleh Naib Canselor atau Universiti dari semasa ke semasa.

JAWATANKUASA PENYIASATAN (AP59)

- Mesyuarat** 4. i) Tarikh, masa, tempat dan agenda hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.
 ii) Bendahari selaku Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat apabila diarah oleh Pengerusi.
- Kuorum** 5. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ialah tiga (3) orang yang perlu hadir sepanjang tempoh mesyuarat.
- Minit** 6. Minit segala mesyuarat Jawatankuasa hendaklah direkodkan dan disimpan dengan baik bagi tujuan pengauditan.